

PM: UMNO tidak berhasrat ke Sarawak

UM 18 FEB 2000

KUALA LUMPUR 17 Feb. — UMNO tidak berhasrat mengembangkan pengaruhnya ke Sarawak dan sebarang usaha menubuhkan cawangan parti di negeri itu tidak akan diiktiraf, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Presiden UMNO itu menegaskan, beliau telah menulis surat kepada pengurusan perhimpunan pelancaran UMNO peringkat Sarawak di Kuching pada 27 Februari ini bagi memaklumkan keputusan Majlis Tertinggi (MT) itu.

“Walaupun kita berpendapat bahawa ada baiknya UMNO berkembang ke Sarawak tetapi kita (juga) berpendapat waktu ini bukanlah masanya.

“Jika kita (UMNO) berkembang ke Sarawak (pun), tujuan kita ialah ia mengukuhkan Barisan Nasional (BN) dan bukan membawa perpecahan di kalangan parti-parti (komponen) BN.

“Dengan itu kita memutuskan tidak ke Sarawak dan sebarang tindakan menubuhkan cawangan di negeri itu adalah tidak sah dan tidak akan diiktiraf,” tegas beliau selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Mesyuarat MT selama tiga jam itu membincangkan panjang lebar isu berkenaan.

Dr. Mahathir mengulas tindakan bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, yang sedang memulakan usaha membawa UMNO termasuk menubuhkan cawangan-cawangan parti itu ke Sarawak.

Dalam satu majlis di Bau dekat Kuching Sabtu lalu, Abang Abu Bakar

yang digugurkan daripada senarai calon dalam pilihan raya umum November lepas, menyaksikan penubuhan enam cawangan UMNO di situ membabitkan satu kampung kaum Bidayuh dan satu kampung Melayu.

Cawangan-cawangan itu ialah Kampung Grogo, Kampung Sebuloh, Kampung Suba Buan, Kampung Tembawang Baru dan Kampung Buso.

Bekas Menteri Pertahanan itu juga turut dilaporkan menerima kira-kira 2,000 borang permohonan untuk menjadi anggota UMNO bagi bahagian Mas Gading.

Anggota

Abang Abu Bakar yang mengumumkan keluar dari PBB 12 Februari lalu juga dilaporkan sudah mengumpul 138,000 anggota UMNO di Sarawak.

Beliau dijadualkan hadir pada pelancaran UMNO peringkat negeri itu minggu depan.

Dr. Mahathir ketika ditanya bentuk tindakan yang akan diambil oleh UMNO jika Abang Abu Bakar terus berdegil berkata:

“Kita tidak iktiraf dia. Kita tidak boleh tangkap dia.”

Ditanya jika kedegilan bekas Menteri Pertahanan itu berterusan dan mungkin menimbulkan masalah antara Kerajaan Pusat dan negeri, beliau menegaskan, hubungan kedua-dua peringkat pentadbiran itu tiada kaitan dengan parti.